
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

EUP 213/2 – PERAKAUNAN PENGURUSAN

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja. Jawab Soalan 1 yang diwajibkan dan EMPAT soalan lain. Semua soalan membawa jumlah markah yang sama.

Anda dibenarkan menjawab soalan sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.

Tuliskan nombor soalan yang dijawab di luar kulit buku jawapan anda.

JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA.**SOALAN 1 WAJIB DIJAWAB DAN PILIH 4 SOALAN YANG LAIN.**

1. Siggli Engineering Store adalah sebuah kedai kepunyaan tunggal yang menjual alat-alat gantian mesin bagi industri kecil dan sederhana. Pada ketika ini, syarikat menggunakan sistem inventori manual. Tuan punya perniagaan, Encik Birun sedang membuat pertimbangan untuk menggantikan sistem sedia ada kerana beliau tidak berpuashati dengan sistem inventori ini. Ini disebabkan tiada maklumat terkini yang menyebabkan kehabisan inventori dan permintaan pelanggan tidak dapat dipenuhi. Tambahan pula, item bagi jenis inventori yang lain pula kadangkang terlalu banyak yang masih tinggal di gudang yang menyebabkan ia usang dan ketinggalan teknologi. Berdasarkan senario ini,
- Cadangkan satu sistem inventori yang boleh menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Siggli Engineering Store. (5 markah)
 - Terangkan bagaimana sistem ini beroperasi. (7 markah)
 - Jelaskan juga kebaikan-kebaikan sistem inventori yang anda cadangkan. (8 markah)
2. Syarikat Mansun Composite mengeluarkan dua jenis produk yang dinamakan CompoSand dan CompoSoil. Dua produk ini dikeluarkan berdasarkan nisbah berikut:

CompoSand	60% atas jumlah volum dalam unit
CompoSoil	40% atas jumlah volum dalam unit

Maklumat-maklumat tambahan yang diberi untuk dua item tersebut adalah seperti berikut:

Item	Harga jualan seunit	Nisbah untung atas jualan
CompoSand	RM 6.00	50%
CompoSoil	RM 5.00	30%

Jumlah kos tetap untuk mengeluarkan kedua-dua item ini adalah sebanyak RM 18 000. Jumlah volum yang dijangka akan dikeluarkan pada tahun akan datang adalah 12 000 unit. Kirakan:

- Jumlah dalam unit yang harus dikeluarkan untuk pulang modal. (5 markah)
- Untung daripada volum yang dikeluarkan sebanyak 12 000 unit. (5 markah)

- c) Jumlah pengeluaran untuk mendapat untung sebanyak RM 20 000.
(5 markah)
- d) Apakah yang boleh disimpulkan tentang jualan kedua-dua produk ini berdasarkan maklumat yang diperolehi. Nyatakan juga cadangan anda untuk meningkatkan keuntungan dari perspektif perakaunan pengurusan.
(5 markah)

3. Syarikat Nivea Chemical mengeluarkan bahan-bahan kimia pencuci untuk kegunaan industri. Salah satu produknya ialah KacaCleanse yang dikeluarkan melalui beberapa proses. Pengeluaran KacaCleanse melibatkan semua bahan yang telah siap diproses dalam Proses 1 kemudian dipindah ke Proses 2. Berikut adalah maklumat tambahan tentang pengeluaran produk ini:

Kerja dalam proses pada 1 Mei 2006	4 000 unit mengandungi: Kos pindah masuk RM 20 000 Bahan mentah RM 4 800 Kos penukaran RM 5 600
Jumlah unit dipindah masuk dari proses 1	11 000 unit dengan kos RM 55 000
Jumlah unit disiapkan	12 000 unit
Kerja dalam proses pada 31 Mei 2006	Bahan 100% siap Kos penukaran 60%
Kos bahan dimasukkan pada bulan Mei	RM 16 200
Kos penukaran ditambah pada bulan Mei	RM 35 100

Nota: Kos penukaran adalah terdiri dari kos buruh, overhead dan lain-lain.

Syarikat ini hendak membuat pengekosan menggunakan kaedah purata wajaran. Oleh itu:

- a) Jelaskan dengan maksud sistem pengekosan proses dan beri contoh jenis-jenis produk dan industri yang bersesuaian.
(5 markah)
- b) Sediakan semua jadual-jadual yang berkaitan untuk menentukan kos pengeluaran KacaCleanse yang telah siap dan KacaCleanse yang masih ditahap kerja dalam proses pada akhir bulan Mei.
(10 markah)
- c) Sediakan Akaun Proses 2.
(5 markah)

4. CornCrete adalah sejenis konkrit baru yang dihasilkan oleh menggunakan campuran bahan buangan pertanian. Syarikat pengeluarannya, Biz-Crete Engineering ingin menyediakan satu belanjawan boleh ubah bagi tahun akan datang. Data berikut diperlukan bagi membolehkan belanjawan tersebut disediakan:

Harga jualan	RM 12.00 seunit
Bahan langsung	2 kg seunit pada harga RM 0.75 sekilogram
Buruh langsung	4 jam seunit pada kadar RM 1.20 sejam
Gaji	Seorang pekerja diperlukan bagi setiap 5 000 unit yang dikeluarkan. Setiap pekerja dibayar RM 20 000 setahun.
Kuasa	RM 0.20 bagi setiap jam mesin yang digunakan. Satu unit yang diproses memerlukan 1.5 jam mesin.
Belanja penyelenggaraan mesin	RM 400 bagi setiap 2 500 jam mesin yang digunakan.
Air dan elektrik	Kos ini mempunyai unsur tetap dan unsur berubah. Unsur tetap adalah RM 500 setahun dan ditambah RM 0.50 setiap unit yang dikeluarkan.
Susut nilai mesin	RM 4 000 setahun
Kos jualan	2.5% atas nilai jualan

- a) Sediakan Belanjawan Boleh Ubah untuk volum 10 000 unit dan 15 000 unit bagi tahun akan datang.
(12 markah)
- b) Nyatakan kebaikan-kebaikan belanjawan ini.
(8 markah)
5. Syarikat Sidor Elektron memproses sejenis alat elektronik, IonVega yang dijual pada harga RM 7.50 seunit. Anggaran-anggaran berikut telah dibuat bagi produk tersebut untuk dua tahun akan datang:

	2007 (RM)	2008 (RM)
Hasil jualan	112 500	187 500
Kos bahan	39 000	65 000
Kos upah langsung	27 000	45 000
Kos overhead	29 000	35 000

Untuk tahun 2007 dan 2008,

- a) berapakah volum jualan untuk pulang modal?
(4 markah)
- b) berapakah volum jualan untuk mendapatkan untung sebanyak RM 25 000 setahun.
(4 markah)

- c) Kenalpasti untung daripada volum jualan sebanyak RM 40 000 setahun. (4 markah)
- d) Kenalpasti kos tetap Syarikat Sidoor Elektron. (4 markah)
- e) Kaedah kos-volum-untung digunakan oleh syarikat untuk tujuan perancangan dan membuat keputusan. Namun kaedah ini mempunyai beberapa kelemahan. Nyatakan kelemahan-kelemahan tersebut. (4 markah)
6. Sejenis produk, AshKosh dikeluarkan sebanyak 40 000 unit oleh Syarikat Lambart Engineering dan dijual pada harga RM 7.80 seunit dalam pasaran tempatan. Kos-kos yang terlibat dengan proses pengeluaran dan jualan produk ini adalah seperti berikut:

Bahan	RM 1.80 seunit
Buruh langsung	RM 2.50 seunit
Overhed berubah	RM 0.85 seunit
Overhed tetap	RM 0.80 seunit

Seorang pelanggan asing telah membuat satu tempahan khas untuk membeli 10 000 unit AshKosh pada harga 20% lebih rendah dari harga pasaran biasa. Jika tempahan ini diterima, Syarikat Lambart Engineering perlu membuat 50 000 unit AshKosh pada tahun akan datang, termasuk 40 000 unit untuk pasaran tempatan.

Berikut adalah maklumat tentang kos pengeluaran AshKosh untuk tahun akan datang:

Pengeluaran tiap-tiap unit AshKosh memerlukan satu unit bahan mentah. Harga ini akan turun sebanyak RM 0.10 seunit jika jumlah bahan yang dibeli adalah lebih daripada 45 000 unit setahun.
Syarikat Lambart Engineering perlu mengambil beberapa orang pekerja sambilan untuk mengeluarkan 10 000 unit tambahan ini. Anggaran upah yang perlu dibayar untuk pekerja sambilan adalah RM 2.80 seunit.
Untuk mengeluarkan 10 000 unit tambahan ini, beberapa alat perkakas baru hendaklah dibeli. Kos alat-alat ini adalah RM 5 000 tetapi alat-alat ini tidak akan mempunyai sebarang nilai pasaran selepas digunakan.

Berdasarkan maklumat yang diberi dan analisis yang dibuat, nasihatkan syarikat ini sama ada pesanan ini patut diterima atau ditolak. (20 markah)